

Kisah Tokoh Korporat Bijih Timah Melayu Terulung **Long Jaafar dan Ngah Ibrahim**
Pengasas Taiping Bandar Warisan 1790-an hingga 1895

TENGGKU MENTERI



SEBUAH NOVEL SEJARAH
TALIB SAMAT

TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

———— Talib Samat ————

TENGGU MENTERI

KISAH TOKOH KORPORAT
BIJIH TIMAH MELAYU TERULUNG
LONG JAAFAR DAN NGAH IBRAHIM
(Pengasas Taiping Bandar Warisan)
1790-an hingga 1895

TUN DR. M

PUSTAKA PERDANA



1011100

AMAD

#252967

KARISMA PUBLICATIONS SDN. BHD.

No 5, Jalan Pengeluaran U1/78,
Glenmarie Industrial Park,
40150 Shah Alam, Selangor.
Tel: 03-55114748 / 49
Fax: 03-55114746
E-mel: karismap@hotmail.com

© Karisma Publications Sdn Bhd (519631-P) 2003
Pertama kali diterbitkan 2003
Cetakan Kedua 2004

ISBN 983 195 053 4

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam apa cara yang boleh dipergunakan lagi ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau sebarang cara, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu daripada Karisma Publications Sdn Bhd (519631-P).

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Talib Samat, 1959-

Tengku menteri: kisah tokoh korporat bijih timah Melayu terulung Long Jaafar dan Ngah Ibrahim (pengasas Taiping bandar warisan) 1970-an hingga 1895/Talib Samat.
ISBN 983-195-053-4

1. Historical fiction, Malay--Perak. 2. Malay fiction. I. Judul
899.2333

Teks diset dengan New Century 10 pt point

Dicetak di Malaysia oleh
Karisma Production Sdn. Bhd.
19, Jalan U1/35,
Hicom Glenmarie Industrial Park,
40000 Shah Alam, Selangor.

899.2333
TAL

*Dedikasi
kepada Mohd. Ali Osman
Sasterawan Negara
Datuk Abdullah Hussain
dan pejuang-pejuang bangsa
yang gagah berani
dalam mempertahankan
erti kemerdekaan ibu pertiwi
harimau mati meninggalkan belang
manusia mati meninggalkan jasa*

KATA PENGANTAR

SASTERAWAN NEGARA

DATUK ABDULLAH HUSSAIN

Bismillahir Rahmanir Rahim,

Alhamdulillah saya mengucapkan syukur ke hadirat Allah subhanahu wa Taala kerana akhirnya novel yang ini sampai juga ke tangan pembaca. Saya mengucapkan terima kasih kepada pengarangnya Saudara Talib Samat kerana memberi peluang untuk menulis kata pengantar ini. Pada hakikatnya sesebuah novel, seperti novel yang sedang anda baca ini tidak perlu lagi kata pengantar kerana ia sendiri dapat berdiri tanpa perlu sokongan luar dengan kisah dan mesej yang dikandungnya.

Terbitnya novel ini membawa kegembiraan kepada saya seperti juga kepada pengarangnya kerana beberapa sebab yang khas dan amat peribadi. Sebab yang pertama ialah kerana penulisan novel ini boleh dikatakan bermula daripada saya, sebab yang kedua ialah kerana kisah Ngah Ibrahim seorang tokoh korporat Melayu yang amat patriotik dapat dikisahkan kembali dan sebab yang ketiga barangkali sebab yang paling merisaukan saya ialah novel yang tebal ini dapat diterbitkan dan dibaca oleh masyarakat.

Dari zaman masih di sekolah Melayu saya sudah mulai meminati sejarah, buku *Sejarah Melayu*, *Hikayat Hang Tuah* dan *Hikayat Abdullah* merupakan buku-buku yang paling gemar saya mengulangi membacanya. Horizon pembacaan itu menjadi bertambah luas apabila saya ke sekolah Inggeris dan kemudian tinggal di Aceh, Indonesia. Banyak buku sejarah dalam bahasa Inggeris dan bahasa Indonesia yang dapat saya baca dan secara tidak sedar beberapa tokoh sejarah telah meresap masuk ke dalam diri dan mempengaruhi jiwa saya. Hang Tuah dengan lima saudaranya, Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, para pahlawan wanita Aceh yang diketuai oleh Cut Nyak Dhien, Soekarno (pada peringkat awal) dan lain-lain lagi. Sesudah novel *Imam* saya bercita-cita mahu menulis sebuah novel sejarah dan mulai mencari bahan-bahannya. Sudah ada tiga tokoh yang bermain di dalam kepala: Gerard Truman Magill MacBryan tokoh utama dalam drama Vyner dan Sylvia pada period akhir pemerintahan

Raja Brooke di Sarawak; Cut Nyak Meutia serikandi Aceh yang syahid dalam pertempuran di hulu Sungai Peutoe, Aceh Utara dengan tiga biji peluru Belanda – dua di tubuhnya dan satu di kepala dan Ngah Ibrahim seorang korporat Melayu Perak yang hidup pada abad ke-19 yang berani menentang penjajah Inggeris.

Saya tidak banyak tahu tentang Ngah Ibrahim tetapi tertarik dengan sikapnya yang *arrogant* dan sombong terhadap Inggeris terutama ketika *Perjanjian Pangkor* mahu ditandatangani. Dia sengaja biarkan Gabenor Inggeris, Sultan dan pembesar-pembesar Perak menunggunya dan dia datang lambat ke pertemuan tersebut dengan kapal miliknya sendiri *Bahtera Bayu*. Secara kebetulan di Simposium Jaringan Melayu Antarabangsa yang berlangsung di Shah Alam pada 19-20 April 1996 saya bertemu dan berkenalan dengan Haji Mohd. Ali Osman (yang saya bahasakan dengan panggilan Cikgu Ali) seorang ahli sejarah Perak yang telah memberikan kepada saya beberapa kertas kerjanya mengenai sejarah Perak, maka minat saya mulai condong kepada Ngah Ibrahim. Saya tertarik kerana dia orang Melayu yang pertama memiliki perniagaan yang besar dan walaupun pada masa itu abad ke-19 tetapi telah mentadbir perniagaannya dengan sistem yang kita kenal pada hari ini (menggaji seorang setiausaha). Walaupun dia seorang yang kaya dan mempunyai kuasa tetapi tetap tidak lupakan diri sebagai orang Melayu dan sedar dengan kehadiran Inggeris sebagai penjajah. Apabila Saudara Talib Samat menyatakan hasratnya mahu ikut serta dalam Sayembara Novel Nasional bagi memperingati Pak Sako ke-2 dan bercita-cita mahu menulis novel yang agak tebal maka saya mengusulkan kepadanya supaya menulis novel tentang Ngah Ibrahim. Usul saya itu diterima dan terus mengadakan kontak dengan Cikgu Ali dan kami dijemput ke Taiping untuk berasa suasana bumi asal Larut tempat pemukiman Ngah Ibrahim. Cikgu Ali telah bermurah hati membawa kami tidak saja melawat tapak-tapak bersejarah tetapi juga beraudiensi dengan Orang Besar Jajahan Larut Matang Dato' Seri Wan Omar bin Dato' Wan Ahmad Rasdi pewaris gelaran Tengku Menteri iaitu gelaran yang dianugerahkan oleh Sultan Perak kepada leluhurnya Ngah Ibrahim.

Menulis sebuah novel sejarah dengan watak-watak yang benar wujud yang dicampur dengan watak-watak fiktif dan ditambah pula dengan fakta-fakta yang nyata maka amat berbeza

dengan menulis novel kreatif biasa. Oleh sebab itu, tidak banyak penulis kita yang mahu menceburi dalam bidang penulisan novel sejarah serupa ini. Mahu menghidupkan kembali peristiwa-peristiwa yang telah berlalu dengan watak-watak yang sudah menjadi sejarah bukanlah suatu pekerjaan yang mudah apatah pula ditokok tambah dengan watak-watak fiktif maka pekerjaannya tidak saja menjadi rumit tetapi juga sangat komplikated.

Saya tidak hairan jika dalam penulisan novel ini Saudara Talib Samat menggunakan berbagai-bagai macam *approach* dan teknik termasuk gaya kewartawanan baru yang menjadi kajiannya untuk mendapatkan ijazah sarjana sastera. Usahnya bagi menghidupkan jalan cerita patut mendapat penghargaan dari kita semua. Saya sendiri mengucapkan tahniah di atas kejayaannya.

Saya turut mengucap syukur ke hadirat Allah subhanahu wa Taala kerana akhirnya novel ini walaupun tidak terpilih dalam Sayembara Novel Nasional ke-2 bagi memperingati Pak Sako telah dapat diterbitkan dengan kerjasama berbagai-bagai pihak dan dengan sendirinya telah ikut menghilangkan kerisauan saya. Saya pernah menyatakan kerisauan dan kebimbangan ini di dalam ucapan penerimaan Anugerah Sastera Negara tentang nasib penulis novel yang ikut dalam sesuatu peraduan penulisan yang novelnya itu tidak terpilih. Usahnya menjadi sia-sia dengan masa dan tenaga yang begitu banyak dihabiskan yang sudah tentu menimbulkan kekecewaan dan yang paling malang ialah apabila penulis itu seorang yang mudah patah semangat.

Saya mengucapkan selamat membaca dan mudah-mudahan ada perkara yang baik dan bermanfaat yang dapat dipetik dari novel yang tebal ini. *Wabillahi taufik wal hidayah.*

Abdullah Hussain
Petaling Jaya
27 Zulkaedah 1422
10 Februari 2002

*Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha
Penyayang*

**SETITIS GERIMIS DI LAUTAN
DARIPADA SEJARAWAN
HAJI MOHAMED ALI OSMAN**

Novel ini mengisahkan suka duka, jatuh bangun dua beranak putera Melayu yang bersemangat waja, berpendirian teguh dan kental yang dilahirkan di negeri Perak Darul Ridzuan. Mengikut catatan dalam “Salasilah Tengku Menteri/Larut”, mereka adalah keturunan daripada Tun Saban (Balik) bin Tun Perak (Bendahara Melaka). Tun Saban dikebumikan di Bukit Merah, Grik, Perak Darul Ridzuan. Bukit Merah kini adalah kawasan peranginan dan pelancongan yang terkenal di Perak.

Dalam buku *Sejarah Perak* ada tercatat, mengenai asal usul Kesultanan Perak. Berikut beberapa rangkap petikan daripada “Sajak Khas-Eksklusif Bersejarah”: Hujungan 1.

- (i) *Disahut Tun Saban, serta pengikutnya,
Teriakan, “Daulat Tuanku!!!”, tiga kali jumlahnya.
Bahtera pun meluncur, masuk ke muara.
Tibalah baginda, di Batang Hari dengan selamatnya.*
- (ii) *Apabila mustaid semuanya, Raja Muzaffar ditaballah,
Tun Saban ketua istiadat, semuanya berjalan mudah,
Yang Dipertuan Negeri Perak, sempurnalah sudah,
Dua Puluh Satu Tahun, duduki singgahsana,
Harumlah negeri Perak ke serata benua.*

Penerbitan novel ini adalah telah diilhamkan oleh Yang Berbahagia Datuk Abdullah Hussain, Sasterawan Negara, ketika berlangsungnya Simposium Jaringan Melayu Antarabangsa di Shah Alam, Selangor pada 19-20 April 1996 yang dianjurkan oleh Sekretariat Melayu Antarabangsa dengan kerjasama GAPENA.

Sebuah rencana ringkas telah dikemukakan selepas pembentangan kertas kerja “Bisnes Melayu” oleh tokoh-tokoh korporat Melayu Antarabangsa iaitu dalam sidang soal jawab. Rencana

itu bertajuk “Pelombong Bijih Timah Melayu Terlung di Tanah Melayu – T.M. 1840-an-1874”. Saya telah menimbulkan mengenai kedai dan ketidakstabilan umat Melayu dalam segenap aspek yang agak amat membimbangkan terutamanya berkaitan keruntuhan maruah, martabat dan hak mutlak ketuanan Melayu. Di samping itu terdapatnya kecenderungan generasi warisan kita, menuju ke arah terhakisnya nilai murni dan budaya Melayu.

Kini, mereka itu sudah kurang yakin dengan kejatian diri, moral dan sikap keperibadian, seolah-olah ‘lalang’, ‘dedalu’, ‘umang-umang’ dan ‘kerakap di batu’. Justeru itu, pembongkaran, pemugaran dan penjanaan ke arah menggembeling serta mencestuskan kecemerlangan semula, adalah tanggungjawab bersama dan kita semua.

Sejarah warisan kecemerlangan silam sekali gus dengan semangat juang kepahlawanan hendaklah diambil serentak dengan seserius dan sesempurna yang mungkin.

“Apakah kita harus terus membisu dan membiarkan dengan seribu bahasa dengan amalan budaya lapuk dan usang atau sebaliknya. Mungkinkah kita akan terus berpesta ria dengan penuh asyik menjadi penonton filem “Laila Majnun” atau adakah perumpamaan kuno itu terus dijadikan amalan; “Itik di air mati kehausan! Ayam di jelapang padi, mati kelaparan”.

Sebagai itu saya telah berjumpa dengan Yang Berbahagia Datuk Abdullah Hussain. Beliau telah menyatakan hasratnya untuk menulis buku novel sejarah, lalu meminta saya membantunya dengan memberi dan membekalkan bahan-bahan dokumen yang diperlukan. Saya telah menjemputnya datang ke Taiping.

Beliau bersama-sama sahabatnya, Talib Samat telah datang dan bermalam di Taiping (1997). Bahan-bahan dokumen, wawancara, rakaman dan lisan telah dibuat. Lawatan ke monumen bersejarah serta lokasinya termasuk Muzium Tertua Perak.

Yang Berbahagia Datuk Abdullah Hussain telah mengamanahkan penulisan dan pengkajian novel ini kepada sasterawan Talib Samat. Beliau seorang pengarang, penyajak dan penyair yang kreatif dan produktif, telah menghasilkan karya-karya berikut:

- a. Kesusasteraan sebanyak 30 buah.
- b. Keagamaan dan pengetahuan umum sebanyak 11 buah.
- c. Lain-lain yang diselenggarakan sebanyak 20 buah.

d. Ratusan sajak dan syair merangkumi semua sudut dan aspek.

Ketika itu (1997), beliau bertugas sebagai Penolong Pegawai Perancang Bahasa di Bahagian Kesusasteraan Bandingan, Jabatan Pembinaan dan Penyelidikan Sastera di Dewan Bahasa dan Pustaka. Pada tahun 1998, beliau berhijrah dan bertugas pula sebagai Pensyarah Kesusasteraan Melayu Moden di Jabatan Sastera, Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Tanjung Malim, Perak. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Sastera (Kesusasteraan) dari Universiti Sains Malaysia (USM) dan kini sedang meneruskan pengajiannya ke peringkat Ph. D di universiti yang sama

Novel ini wajar dibaca dan dimiliki oleh setiap lapisan generasi warisan khususnya para pelajar dan penuntut di segenap peringkat pengajian: rendah, menengah, pusat pengajian tinggi, ahli-ahli politik, pendidik, ibu bapa, ahli akademik dan amnya para peminat kesusasteraan dan sejarah tamadun Melayu sebagai suatu: “Khazanah Warisan Dunia Melayu”. Awas! “MELAYU TAK KAN HILANG DI DUNIA!”

Haji Mohamed Ali bin Osman
Ahli Persatuan Sejarah Malaysia (PSM)
Pencadang Penubuhan Yayasan Tun Abdul Razak
(Aktanya dilulus oleh Parlimen pada 3 Ogos 1976)

(Bekas Setiausaha Kehormat PSM Cawangan Larut, Matang dan Selama, Taiping Bandar Warisan) dan
(Bekas Timbalan Presiden Kesatuan Kebangsaan Guru-guru Bahasa Malaysia, Malaysia Barat-KKGBM/MB)
No. 138, Jalan Suria 3, Taman Suria
34000 Taiping Bandar Warisan
PERAK DARUL RIDZUAN
Isnin, 14 Zulkaedah 1422
28 Januari 2002

CATATAN PENGARANG

Sesungguhnya penulisan novel sejarah *Tengku Menteri: Kisah Tokoh Korporat Bijih Timah Melayu Terulung Long Jaafar dan Ngah Ibrahim (Pengasas Taiping Bandar Warisan 1790-an Hingga 1895)* ini tidak mungkin terhasil dan tercipta tanpa dorongan, motivasi dan sokongan dua orang insan berjasa iaitu Cikgu Mohamed Ali Osman, sejarawan Taiping, Perak dan Sasterawan Negara Datuk Abdullah Hussain yang merangsang saya secara langsung dan tidak langsung menulis novel terpanjang dalam sejarah penulisan novel yang saya ceburi pada awal tahun 1985. Novel pertama saya iaitu *Bumi Merdeka* yang terbit pada tahun 1987 hanyalah setebal 227 halaman yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kemudian diikuti dengan novel-novel lain seperti *Mencari Keredaan-Mu*, *Gores-gores Kenangan*, *Panggilan Jihad*, *Panas Salju*, *Dilema Anak Pulau* dan *Melewati Zon Selesa* yang hanya sekitar 200 hingga 300 halaman.

Penulisan sebuah novel tebal memang menjadi impian seseorang penulis sekurang-kurangnya sebagai suatu kenangan dan penglibatan seriusnya dalam dunia penulisan novel dalam sejarah hidupnya. Menulis novel tebal seumpama ini yang berunsur sejarah negeri Perak ini yang melibatkan juga latar negeri-negeri lain seperti Johor, Selangor, Kedah, Pulau Pinang, Singapura, Sarawak, Pulau Seychelles merupakan suatu kepuasan yang tersendiri yang sukar digambarkan dengan kata-kata dalam kreativiti seorang pengarang kreatif.

Sesudah menyelesaikan penulisan tesis sarjana yang berjudul "Gaya Kewartawanan Baru Dalam Novel Pilihan Abdullah Hussain" di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada tahun 1997/1998 yang kemudiannya diterbitkan sebagai buku kajian sastera dengan judul *Gaya Kewartawanan Baru: Dimensi Kewartawanan dan Kesusasteraan* (Thinker's Library, 1998) saya terdorong untuk melanjutkan penggunaan teori gaya kewartawanan baru dalam mana-mana penulisan novel yang saya hasilkan seperti diterapkan juga secara tidak langsung dalam novel *Panas Salju* (Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., 1995) yang kini digunakan sebagai teks sastera di Tingkatan Tiga bagi mata pelajaran Komponen Sastera Dalam Bahasa Melayu (KOMSAS) di Wilayah Perseku-

tuan, Selangor, Negeri Sembilan dan Perlis. Kecenderungan ini kian menyala bila saya bertanya Sasterawan Negara Datuk Abdullah Hussain apakah karya-karya terbaru yang sedang beliau usahakan atau tangani. Beliau tertarik untuk menulis kisah pahlawan Aceh dan sebuah kisah sejarah di bumi Larut atau lebih terkenal dengan sebutan nama Taiping, Perak. Di atas sebab-sebab tertentu, beliau tidak menulis kisah itu tetapi menyarankan saya agar menemui seorang guru sejarah yang terkenal di Taiping, Perak yang sering menjadi rujukan pelbagai pihak di Malaysia khususnya masyarakat Perak termasuk para pelajar sekolah, universiti, tokoh-tokoh masyarakat, pembesar Perak, Sultan Perak, Orang Besar Jajahan Larut, Matang dan sebagainya. Sepanjang ingatan saya beberapa kali menemui sejarawan dan guru, Cikgu Mohamed Ali Osman untuk mendapatkan gambaran sebenar tentang sejarah Taiping, Perak khususnya cerita tokoh korporat Melayu iaitu Long Jaafar dan Ngah Ibrahim yang hidup pada abad ke-19 yang semakin dilupakan oleh generasi muda sekarang kerana tiadanya usaha-usaha serius untuk mengangkat kisah hidup tokoh ini dan tokoh-tokoh yang hidup sezaman dengannya dalam bentuk karya kreatif untuk mempopularkan dan memasyhurkan kembali tokoh ini dalam kehidupan masyarakat Malaysia masa kini walhal usaha-usaha sebegini sudah banyak dilakukan oleh masyarakat Barat yang ternyata tahu menilai dan menghargai tokoh pahlawan atau tokoh berjasa atau peristiwa sejarah yang muncul dalam masyarakat mereka.

Pertemuan dengan Cikgu Mohamed Ali Osman dan melihat sendiri pelbagai tinggalan sejarah berharga di bumi Taiping yang mendapat gelaran “bandar pertama” (*Taiping’s Many Firsts*) dalam segala hal kehidupan mendorong saya membaca lebih banyak buku-buku sejarah Perak mahupun Malaysia juga untuk memahami pergolakan masyarakat Melayu pada abad ke-19 yang ternyata sangat berbeza dengan suasana sekarang. Kekuatan daya imaginasi, pencernaan dan kitaran kembali longgokan bahan-bahan sejarah yang begitu banyak dan sudah ditemui merupakan cabaran berat untuk mengolahnya dalam bentuk karya kreatif khususnya novel yang tentunya berbeza sama sekali dengan penulisan buku sejarah. Cabaran serius ini mendorong saya menggunakan pelbagai teknik penulisan termasuk menerapkan gaya kewartawanan baru, pencerekaan sejarah dan pelbagai teknik penulisan lain untuk menghidupkan kisah sejarah khusus-

nya ketokohan korporat Long Jaafar, Ngah Ibrahim, Kesultanan Perak dan sejarah kesultanan negeri lain yang saling berkaitan di antara satu sama lain. Penulisan novel sejarah memungkinkan saya tidak semestinya mengikut urutan sejarah sebenar tetapi boleh juga menggunakan beberapa teknik penulisan lain seperti *new historisme* iaitu mentafsirkan kembali beberapa unsur atau fakta sejarah untuk menjadikan cerita lebih menarik. Bagaimanapun saya berusaha sedapat mungkin menggunakan fakta sejarah berdasarkan kronologi peristiwa dalam sejarah Perak di samping mempertajamkan unsur-unsur fiksiyen yang amat diperlukan dalam penulisan karya sastera.

Penulisan novel ini merupakan percubaan saya untuk menghidupkan bahan atau peristiwa sejarah yang sering dianggap bahan mati sebagai bahan hidup yang berguna untuk pembinaan jati diri bangsa Melayu agar mencintai sejarah bangsanya sendiri untuk menjadi benteng kukuh menghadapi ancaman globalisasi yang semakin kuat asakannya hari demi hari yang akan lebih berkesan dihadapi dengan penggunaan novel-novel berunsur sejarah yang boleh menghidupkan semangat patriotisme dan nasionalisme di jiwa para pembaca.

Penulisan dan penerbitan novel sejarah ini tidak akan berhasil tanpa penglibatan pelbagai pihak. Ini termasuklah beberapa orang jurutaip seperti Puan Salamah di Bahagian Majalah, Dewan Bahasa dan Pustaka, rakan jurutaip Mohd. Ghazali Tocheh yang menaip semula manuskrip novel ini yang pada awalnya saya tulis menggunakan mesin taip manual pada tahun 1997 dan 1998 yang ditulis secara berperingkat-peringkat. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada para penulis yang berasal dari Perak seperti Zabidin Ismail, Ramli Daud, Zahari Hasib, Pena Mutiara, Ijamala M.N., pelukis Jamaludin Abdullah dan sebagainya yang sering bertanyakan bilakah novel ini akan terbit menemui pembaca. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Mr. Peter Paul, Encik Anuar dan En. Halim pemilik penerbit Karisma Publications Sdn. Bhd. yang berminat untuk menerbitkan novel berunsur sejarah ini yang tidak kesemua penerbit berminat menerbitkannya kerana hambatan pasaran kini yang lebih menggemari novel-novel komersial atau remaja. Pelukis kulit buku terbaik Malaysia dari Dewan Bahasa dan Pustaka iaitu Mohas atau Mohamad Haji Hassan yang melukis kulit novel sejarah ini dengan menarik juga diatitkan ucapan terima kasih

yang abadi.

Penulisan novel sejarah berjudul *Tengku Menteri: Kisah Tokoh Korporat Bijih Timah Melayu Terulung Long Jaafar dan Ngah Ibrahim (Pengasas Taiping Bandar Warisan 1790-an Hingga 1895)* ini pastinya tidak mungkin berhasil tanpa pengorbanan masa anak isteri saya juga kerana banyak masa bersama mereka telah digunakan untuk menulis novel ini. Isteri saya, Ramnah bte Manap dan enam orang anak saya iaitu Norsaleha bte Talib (lahir 15 Januari 1986), Norsyuhada bte Talib (lahir 14 Januari 1987), Muhammad Salehuddin bin Talib (lahir 9 Julai 1988), Siti Hajar bte Talib (lahir 16 Jun 1993), Muhammad Fauzi bin Talib (lahir 13 Mei 1998) dan Muhammad Firdaus bin Talib (lahir 5 Februari 2001) secara langsung dan tidak langsung adalah insan yang ikut mendorong penghasilan novel ini. Begitu juga diucapkan terima kasih kepada Orang Besar Jajahan Larut Matang yang juga mewarisi gelaran “Tengku Menteri” yang ketujuh iaitu Dato’ Seri Wan Omar bin Dato’ Wan Ahmad Rasdi yang meluangkan masa untuk ditemu ramah pada tahun 1997 di rumahnya di Taiping, Perak yang ditemani oleh Cikgu Mohamed Ali bin Osman yang banyak memudahkan proses temu ramah dan pertemuan dengan salah seorang keturunan Tengku Menteri Ngah Ibrahim yang masih ada kini.

Di samping itu, saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua individu atau institusi lain yang tidak dapat disebutkan satu persatu kerana begitu ramai. Semoga kemunculan novel ini akan melegakan hati banyak pihak yang ternanti-nanti kemunculannya sesudah lebih empat tahun tersimpan kerana kesulitan untuk mendapatkan penerbit yang sudi menerbitkannya dan institusi yang sudi menaja dan membiayai kos percutakannya. Penerbitan novel ini juga diharapkan akan memantapkan dan menyuburkan semangat patriotik, kecintaan yang mendalam kepada negara, penghargaan terhadap pejuang-pejuang bangsa yang terawal yang menyemaikan benih terawal penentangan terhadap penjajah Barat khususnya Inggeris yang menakluki negeri ini, penyuburan rasa bangga dan jati diri terhadap kemampuan bangsa sendiri seperti yang diperlihatkan oleh watak korporat Melayu pertama yang muncul pada abad ke-19 iaitu Long Jaafar dan anaknya, Ngah Ibrahim di jiwa bangsa Melayu dan umat Islam hari ini agar setanding dengan kehidupan bangsa lain yang telah jauh lebih maju dalam arena kehidupan

masing-masing sama ada dalam bidang sosioekonomi, politik, kesusasteraan, teknologi, perniagaan dan sebagainya.

Sekian. Terima kasih. “*Sekali menulis terus menulis*”

Talib Samat
16, Jalan Bernam 13,
Taman Bernam Baru,
35900 Tanjung Malim,
Perak.
17 Januari 2002
3 Zulkaedah 1422 Hijrah

SIRI KHAZANAH WARISAN DUNIA MELAYU

TENGGU MENTERI

KISAH TOKOH KORPORAT BIJIH TIMAH MELAYU
TERULUNG

LONG JAAFAR DAN NGAH IBRAHIM
(PENGASAS TAIPING BANDAR WARISAN)
1790-AN HINGGA 1895

(sebuah kisah sejarah kegemilangan bangsa Melayu membangun dunia korporat di tengah-tengah hambatan penjajah, rebutan kuasa, pergaduhan kongsi gelap dan perjuangan mempertahankan ketuanan Melayu yang difiksyenkan kembali dalam bentuk novel dan seni kreatif guna mengangkat citra dan jati diri bangsa Melayu dan umat Islam dalam menghadapi era globalisasi dan dunia tanpa sempadan)

TALIB SAMAT

..... dengan kata pengenalan Mohamed Ali Osman, sejarawan Taiping Perak.....

KANDUNGAN

Kata Pengantar Daripada Sasterawan Negara Datuk Abdullah Hussain	iv
Setitis Gerimis Di Lautan Daripada Sejarawan Haji Mohamed Ali Osman	vii
Catatan Pengarang	x
Bab 1 Zuhur 1810	1
Bab 2 Asar 1810	9
Bab 3 Maghrib 1810	27
Bab 4 Isyak 1818	37
Bab 5 Subuh 1818	41
Bab 6 1818-1825	47
Bab 7 1830-an	63
Bab 8 1840-an	80
Bab 9 1850-an	117
Bab 10 1844-1848	168
Bab 11 1848	172
Bab 12 1848-1850	189
Bab 13 1856	194
Bab 14 1856-1857	209
Bab 15 1857-1858	215
Bab 16 1858	220
Bab 17 24 Mei 1858	235
Bab 18 1858-1860	240
Bab 19 1860-an	254
Bab 20 1861-1862 Perang Larut Pertama	301
Bab 21 1863-1864	308
Bab 22 1864	315
Bab 23 Keamanan Larut Mula Berkocak	319
Bab 24 Keamanan Larut Kembali	323

Bab 25	Ghee Hin atau Hai San	328
Bab 26	Bahtera Bayu	332
Bab 27	Mangkatnya Sultan Jaafar	336
Bab 28	Masjid Baru	340
Bab 29	Lombong Dedah Baru	345
Bab 30	Pembinaan Masjid Baru	349
Bab 31	1865 Perang Larut Kedua	354
Bab 32	1865-1867	362
Bab 33	1860-an hingga 1871	366
Bab 34	1871	372
Bab 35	1870-an	376
Bab 36	1872	391
Bab 37	1871-1874 Perang Larut Ketiga	396
Bab 38	1873	408
Bab 39	1874	494
Bab 40	Selasa, 20 Januari 1874	517
Bab 41	Selasa, 24 April 1874	535
Bab 42	Kedatangan Ali Osman	540
Bab 43	Oktober 1874	546
Bab 44	1874-1875	554
Bab 45	1875	562
Bab 46	Mac 1875	571
Bab 47	Rabu, 24 Julai 1875	575
Bab 48	Penghujung Julai 1875	584
Bab 49	Menteri Ngah Ibrahim Hilang Kuasa	589
Bab 50	Awal November 1875	599
Bab 51	Mempertahankan Pasir Salak	623
Bab 52	Khamis, 4 November 1875	628
Bab 53	5 hingga 6 November 1875	632
Bab 54	Isnin, 7 November 1875	644
Bab 55	20 Julai 1877-Disember 1877	649
Bab 56	1870-an hingga 1890-an	661

Bab 57	1880-an hingga 1890-an	685
Bab 58	1890-an	691
Bab 59	1890-an hingga 1900	699
Bab 60	1900 hingga 2020 Poskrip	706
Keterangan Gambar		722
Nota Hujung		742
Bibliografi		751
Lampiran		760
Senarai Hujungan		763
Biodata Pengarang		835

SENARAI HUJUNGAN

Lampiran Sultan Perak dan Era Pemerintahannya

- Hujungan 1 Sajak Eksklusif Bersejarah
'Kesultanan Perak Darul Ridzuan'
- Hujungan 2 Sajak Eksklusif Bersejarah
'Tokoh Pelombong Bijih Timah Melayu Terulung'
(TM: 1840-1874)
- Hujungan 3 Senarai Penyandang Gelaran Orang Kaya
Menteri Paduka Tuan Orang Besar Empat
- Hujungan 4 Senarai Penyandang Gelaran Orang Kaya
Menteri Paduka Tuan atau "Tengku
Menteri" Daripada Keturunan Long
Jaafar dan Ngah Ibrahim
- Hujungan 5 Detik Imbasan Bersejarah 'Pelombong
Bijih Timah Melayu Terulung di Tanah
Melayu' (TM: 1840-an-1874)
- Hujungan 6 Tokoh Korporat Melayu (Bapa dan
Anak) Terulung di Tanah Melayu
1790-an Hingga 1895
- Hujungan 7 Dato' Sagor
- Hujungan 8 Dato' Maharaja Lela Pandak Limo:
Pembesar Melayu Perak Terkanan
dan Pejuang Kebangsaan Yang
Perkasa (1839-1877)
- Hujungan 9 Biodata Mohamed Ali Bin Osman
- Hujungan 10 Tempat-tempat Bersejarah di Daerah Hulu Perak
- Hujungan 11 Tempat-tempat Bersejarah di Daerah Larut/
Matang
- Hujungan 12 Pulau Pangkor (*Pulau Sejarah*)
- Hujungan 13 Dato' Sagor Perwira Bangsa
(*Nostalgia Peristiwa Pasir Salak 1875*)

- Hujungan 14 Pemikir Besar
*(Buat Peneliti Biografi Long Jaafar dan
Ngah Ibrahim)*
- Hujungan 15 Taiping Pada Suatu Malam
- Hujungan 16 Tengku Menteri
- Hujungan 17 UPSI, Tanjung Malim
- Hujungan 18 *Antara Terjebak, Peristiwa dan Aku Tidak Minta
Di Situ Suburnya Gaya Kewartawanan Baru*
- Hujungan 19 Pertalian Di-Raja Negeri Perak
- Hujungan 20 Salasilah Tengku Menteri Larut, Matang
dan Selama (Orang Kaya Menteri Paduka Tuan)
- Hujungan 21 Sultan-sultan Johor Daripada Keturunan Tun
Habib (Habab) Abdul Majid Padang Saujana
Bercampur Keturunan Anak-anak Raja Bugis
- Hujungan 22 Senarai Karya
- Hujungan 23 Biodata Pengarang

BAB 1

Zuhur 1810

LONG JAAFAR ke hulu ke hilir mencari idea baru bagaimana untuk meneruskan hidup ini. Sehari-harian ini dia begitu sakit kepalanya memikirkan perjalanan hidupnya yang tidak keruan di bumi Teluk Belanga, Singapura ini.

Temannya seperantauannya, Ali Osman hanya memandang kosong ke langit luas. Ali Osman cukup memahami rintihan sahatnya yang tidak berjaya dalam apa jua bidang yang diceburinya. Dia dituduh tidak mempunyai cita-cita dan tidak boleh dipertanggungjawabkan dengan sebarang tugas penting. Dia juga dituduh tidak mempunyai wawasan masa depan.

“Apa nak jadi hidup kita ini, Ali Osman. Sejak kita merantau dari Lubuk Merbau, Perak ke Singapura kehidupan kita bertambah susah. Tidak ada harapan nak jadi kaya. Hanya cukup makan pakai saja,” keluh Long Jaafar yang menggaru kepalanya yang tidak gatal.

“Bersabarlah Bang Long Jaafar, mungkin rezeki kita belum tiba lagi. Banyakkan berdoa bang,” kata Ali Osman sambil mengemas-ngemas kawasan sekitar rumahnya di Teluk Belanga.

Long Jaafar bekerja keras siang malam untuk memperbaiki nasib dirinya yang jauh tidak berubah. Masih di takuk lama juga. Long Jaafar menyedari bumi Singapura bukan tempatnya untuk mengumpul harta. Di Pulau Temasik ini hatinya pilu memikirkan penjajah Inggeris semakin berjaya memporak-perandakan keluarga Temenggung dan Bendahara Johor.

“Ali Osman, kita tidak boleh tinggal lama di Singapura ini. Kita harus berhijrah ke tempat lain. Tinggal lama-lama di sini,

TENGGU MENTERI: Kisah Tokoh Korporat Bijih Timah Melayu Terulung Long Jaafar dan Ngah Ibrahim Pengasas Taiping Bandar Warisan 1790-an Hingga 1895 mengisahkan kegigihan dan perjuangan korporat Melayu yang muncul pada abad kesembilan belas iaitu Long Jaafar (bapa) dan Ngah Ibrahim (anak) di daerah Larut Matang, Perak Darul Ridzuan.

Perjuangan gigih kedua-dua tokoh korporat ini membangunkan bandar Taiping sekarang membuka lembaran baru dalam sejarah negeri Perak apabila pelbagai cabaran dihadapi mereka akibat perebutan kuasa para pembesar Perak, pergaduhan kongsi gelap Ghee Hin dan Hai San, campur tangan penjajah Inggeris dan pelbagai cabaran akibat kemasukan J. W. W Birch selaku Residen Inggeris pertama di Perak. Penjajah Inggeris mencetuskan penentangan besar-besaran daripada orang-orang Melayu di Perak yang ikut mendorong pejuang-pejuang Melayu termasuk Ngah Ibrahim bersatu memerangi mereka mempertahankan tanah air tercinta.

Novel ini menggunakan watak-watak dan peristiwa yang masyhur dalam sejarah tanah air digabungkan dengan watak-watak fiksi untuk melihat sejarah masa lalu dan kegunaannya dalam melihat hari depan sesuatu bangsa. Novel ini juga mengingatkan betapa pentingnya kemerdekaan sesebuah negara dijaga, pembesar dan rakyatnya tidak bercakaran khuatir penjajah asing masuk dan merampas segala kebebasan dan harta yang ada sehingga suatu apa pun tidak berharga kerana semuanya dikuasai oleh orang asing.



KARISMA PUBLICATIONS SDN. BHD

No.5 Jalan Pengeluaran U1/78,

Glenmarie Industrial Park,

40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 603-5511 6704/05 Faks: 603-5511 4746

E-mel: karismap@hotmail.com

ISBN 983-195-053-4



9 789831 950531